



Good food, Good life

NOTIS PENTING:

GANDAKAN GANJARAN BERSAMA MAGGI PROFESSIONAL ["PROMOSI"]

PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

Perubahan ini [Versi 1.1] kepada Terma dan Syarat Versi 1 – Klausa 3 berkenaan dengan Promosi hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan menggantikan setakat mana-mana ketidakselarasan dengan Terma dan Syarat.

TERMA DAN SYARAT [VERSI 1.1]

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. Tempoh Promosi dilanjutkan:	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 23/11/2023.
---------------------------------------	---

TERMA DAN SYARAT (VERSI 1.1)

B. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. Penganjur:	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].			
2. Promosi:	GANDAKAN GANJARAN BERSAMA MAGGI PROFESSIONAL.			
3. Tempoh Promosi:	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 26/10/2023.			
4. Kelayakan:	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang sah pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.			
5. Produk Turut Serta:	a. Untuk senarai produk turut serta MAGGI PROFESSIONAL ["Produk'], sila rujuk di bawah: <table border="1" data-bbox="563 1890 1337 2040"><tr><td>PRODUK TURUT SERTA</td></tr><tr><td>WAJIB</td></tr><tr><td>MAGGI Lime Powder 350g</td></tr></table>	PRODUK TURUT SERTA	WAJIB	MAGGI Lime Powder 350g
PRODUK TURUT SERTA				
WAJIB				
MAGGI Lime Powder 350g				

	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="564 197 1337 241">LAIN-LAIN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="564 241 1337 293">MAGGI Chicken Stock 1kg</td> </tr> <tr> <td data-bbox="564 293 1337 344">MAGGI Concentrated Chicken 1.2kg</td> </tr> <tr> <td data-bbox="564 344 1337 396">MAGGI Ikan Bilis Stock 1kg</td> </tr> <tr> <td data-bbox="564 396 1337 448">MAGGI Seasoning 800ml</td> </tr> <tr> <td data-bbox="564 448 1337 499">MAGGI Mushroom Soup 1kg</td> </tr> <tr> <td data-bbox="564 499 1337 551">MAGGI Basic Brown Sauce / MAGGI Demi-Glace 1kg</td> </tr> </tbody> </table>	LAIN-LAIN	MAGGI Chicken Stock 1kg	MAGGI Concentrated Chicken 1.2kg	MAGGI Ikan Bilis Stock 1kg	MAGGI Seasoning 800ml	MAGGI Mushroom Soup 1kg	MAGGI Basic Brown Sauce / MAGGI Demi-Glace 1kg	
LAIN-LAIN									
MAGGI Chicken Stock 1kg									
MAGGI Concentrated Chicken 1.2kg									
MAGGI Ikan Bilis Stock 1kg									
MAGGI Seasoning 800ml									
MAGGI Mushroom Soup 1kg									
MAGGI Basic Brown Sauce / MAGGI Demi-Glace 1kg									
<p>6. <u>Kaedah Penyertaan:</u></p>	<p>a. Untuk menyertai Promosi, beli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Enam Puluh [RM60] satu [1] atau lebih MAGGI Lime Powder 350g* dan mana-mana produk MAGGI PROFESSIONAL yang turut serta, dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet pemborong yang turut serta [“Outlet”] semasa Tempoh Promosi [“Resit”]. <i>*Semua pembelian mestilah termasuk produk wajib sekurang-kurangnya satu [1] MAGGI Lime Powder 350g untuk layak menyertai Promosi.</i></p> <p>b. Untuk senarai lengkap Outlet, sila log masuk ke Laman Web Promosi: https://nes.tl/MaggiProRSC23. Senarai Outlet akan dikemas kini secara berkala. Peserta dinasihatkan untuk merujuk senarai sekerap mungkin untuk kemas kini terkini. Semua Outlet akan memaparkan bahan dagangan Promosi di outlet mereka sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. <u>Resit Outlet:</u></p> <p>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dan/atau bertulis dari sistem <i>point-of-sale</i> Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.</p> <p>ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo Outlet [“Butiran Resit”].</p> <p>d. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun setiap Resit unik HANYA layak untuk satu [1] penyerahan penyertaan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Resit yang dicetak semula dan/atau berulang dan/atau imej yang mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>e. Untuk menghantar penyertaan melalui Laman Web Promosi:</p> <p>i. Layari Laman Web Promosi dan lengkapkan Borang Web di: https://nes.tl/MaggiProRSC23 atau imbas kod QR yang ditunjukkan di bahan komunikasi di Outlet turut serta.</p> <p>ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia dan dengan aplikasi WhatsApp</p>								

	<p>["Butiran Peribadi"] dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi.</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Resit lengkap dengan butiran yang diperlukan ["Imej"]. iv. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. v. Muat naik Imej pada borang web dan hantar ["Penyertaan"]. vi. Penganjur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>f. Penganjur akan memproses semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur. Penyertaan dengan Imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca dan yang tidak lengkap akan dibatalkan tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
<p>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 26/10/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>8. <u>Penebusan:</u></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Peserta boleh memilih untuk menebus RM10 e-wallet ["e-Wallet RM10"] seperti di bawah, sama ada: <ul style="list-style-type: none"> i. Satu [1] PIN Tambah Nilai Touch 'n Go RM10 atau, ii. Satu [1] Kod Kredit Boost RM10. b. Penebusan adalah terhad kepada Empat Ribu [4,000] jumlah gabungan pertama e-Wallet RM10 yang ditebus sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya jumlah gabungan Empat Ribu [4,000] RM10 e-Wallet ditebus sepenuhnya, Penganjur akan mengemas kini status dalam Laman Web Promosi di: https://nes.tl/MaggiProRSC23. c. Penganjur akan memperuntukkan satu [1] penebusan e-Wallet RM10 untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur tanpa mengira jumlah pembelian yang dibuat, sepanjang Tempoh Promosi [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. <u>Contoh:</u> <ul style="list-style-type: none"> i. Jika anda membeli RM69.50 jumlah Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] RM10 penebusan e-Wallet kepada Penyertaan layak anda.

	<ul style="list-style-type: none"> ii. Jika anda membeli RM289.50 jumlah Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] RM10 penebusan e-Wallet kepada Penyertaan layak anda. d. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar pautan untuk e-Wallet RM10 kepada Peserta melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi di 6018 388 3346 ke nombor mudah alih yang dihantar dalam Borang Web dalam tempoh lima belas [15] hari bekerja dari penyerahan Penyertaan. e. Setiap Peserta [mengikut nombor mudah alih unik] boleh menebus hanya dua [2] e-Wallet RM10 sepanjang Tempoh Promosi. f. Semua e-Wallet RM10 yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar. g. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan kredit e-Wallet. Berikut adalah terma dan syarat vendor: <ul style="list-style-type: none"> i. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf ii. Penggunaan Kod Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/ h. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada pemenang kerana sebarang perubahan kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang diserahkan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan Promosi. i. Atas permintaan, semua Peserta mesti memberikan butiran peribadi mereka yang berkaitan kepada Penganjur untuk pemenuhan penebusan, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi penebusan tersebut. j. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran e-Wallet sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya e-Wallet tidak diterima atau lewat penghantarannya kepada Peserta. Semua e-Wallet yang tidak dituntut selepas 31/12/2023 akan dibatalkan.
<p>9. <u>Hadiah Utama Peraduan:</u></p>	<p>a. Semua Penyertaan yang diterima sepanjang Tempoh Promosi, termasuk Penyertaan yang diterima selepas Penebusan ditebus sepenuhnya akan layak untuk menyertai Peraduan.</p>

	<p>b. Terdapat sejumlah lima [5] Hadiah Utama dalam bentuk satu [1] motosikal Modenas Kriss 110 untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p>
<p>10. <u>Maklumat Pengadiln Hadiah Utama Peraduan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur mengikut jumlah pembelian yang dibuat, sepanjang Tempoh Promosi [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. <u>Contoh:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Jika anda membeli RM69.50 jumlah Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri kepada Penyertaan layak anda. ii. Jika anda membeli RM289.50 jumlah Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan empat [4] nombor bersiri kepada Penyertaan layak anda. <p>b. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, Penganjur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi, mengikut jumlah pembelian dan tarikh dan masa seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>c. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 2751, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Utama: $2751 \div 5 = 550.20$. Oleh sebab pembahagian 2751 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 550.20 akan dibundarkan ke bawah kepada 550. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis iaitu: 550*, 1100*, 1650*, 2200 dan 2750 [*contoh pengiraan: $550, 550+550=1100, 1100+550=1650$]. <p>d. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari 6018 388 3346 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.</p>

	<p>e. Setiap Peserta [mengikut nombor pengenalan unik] hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi satu [1] Hadiah Utama.</p> <p>f. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran yang diperlukan dan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut.</p> <p>g. Semua Hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa dan kaedah pemenuhan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>h. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur untuk kutipan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>i. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada.</p>
<p>11. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>b. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada barangan penebusan semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: <https://nes.tl/MagqiProRSC23>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

C: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

(a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

(b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

(a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau

(b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajiban yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1** Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2** By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.